

## Strategi Politik Silang oleh *People's Action Party* dalam Konteks Pengukuhan Politik di Singapura, 1954-1959

*Cross-Political Strategies by the People's Action Party in the Context of Political Consolidation in Singapore, 1954-1959*

MUHAMMAD NAIM FAKHIRIN REZANI

*Received: 3-3-2025/ Accepted: 20-5-2025*

### ABSTRAK

*People's Action Party (PAP) merupakan parti utama yang menaungi landskap politik Singapura. Kejayaan parti tersebut mendominasi politik negara ini sehingga sekarang disebabkan oleh 'pasak awal' yang dilakukan oleh pemimpin parti pada peringkat awal penubuhannya dalam tempoh 1950-an. Berdasarkan kepada perkara tersebut, rancangan PAP dalam mengukuhkan kedudukan politik ini penting untuk dilihat semula bagi memperincikan bentuk strategi yang dirangka oleh kepimpinan utama parti ini terutamanya oleh Lee Kuan Yew, Lim Chin Siong dan Othman Wok. Antara strategi PAP yang paling berkesan pada peringkat awal kemunculan parti itu dalam politik Singapura adalah strategi politik silang. Strategi ini mengukuhkan kedudukan PAP terhadap politik Singapura untuk tempoh yang panjang. Kajian ini menggunakan sumber primer yang diperolehi dari National Archive Singapore dan National Archive, Kew sebagai sumber utama untuk penulisan kajian. Dapatan kajian ini merumuskan strategi utama yang dilakukan oleh PAP bagi menguasai pengundi, termasuk pengundi Melayu adalah melalui politik silang yang direncanakan oleh parti tersebut. Penguasaan pengundi Melayu di Singapura ini seterusnya melengkapkan sokongan pengundi terhadap PAP, sekaligus membolehkan parti tersebut mendominasi politik di negara ini. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan keberkesanan strategi politik silang terhadap parti yang terlibat dalam persaingan pilihan raya, terutamanya bagi negara yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum seperti Singapura dan Malaysia. Kajian ini seterusnya menunjukkan kejayaan awal dan dominasi berterusan PAP terhadap politik Singapura merupakan hasil pelaksanaan strategi politik silang secara teliti. Strategi ini bukan sahaja berjaya menarik sokongan pelbagai kaum, termasuk pengundi Melayu, tetapi menjadi model berkesan untuk parti politik dalam masyarakat berbilang kaum. Kajian ini memberi pemahaman baharu terhadap pendekatan politik inklusif dan kepentingan strategi awal dalam membina kestabilan politik jangka panjang.*

*Kata kunci: PAP; politik; Singapura; pilihan raya; strategi; Lee Kuan Yew*

### ABSTRACT

*The People's Action Party (PAP) is the main party that dominates the political landscape of Singapore. The party's success in dominating the country's politics until now is due to the 'early stakes' made by the party leaders in the early stages of its establishment in the 1950s. Based on this, the PAP's plan in strengthening this political position is important to review to detail the form of strategy formulated by the party's main leadership, especially by Lee Kuan Yew, Lim Chin Siong and Devan Nair. Among the most effective PAP strategies in the early stages of the party's emergence in Singapore politics is the cross-political strategy. This strategy strengthened the PAP's position in Singapore politics for a long period. This study uses primary sources obtained from the National Archive Singapore and the National Archive, Kew as the main source for writing the study. The findings of this study summarize the main strategy carried out by the PAP to control voters, including Malay voters, is through the cross-political strategy planned by the party. The control of Malay voters in Singapore further complements the support of voters for the PAP, thus enabling the party to dominate politics in this country. In addition, the study findings show the effectiveness of cross-party political strategies for parties involved in electoral competition, especially for countries with multi-racial populations such as Singapore and Malaysia. This study further shows that the PAP's early success and continued dominance of Singaporean politics is the result of the careful implementation of cross-party political strategies. This strategy not only succeeded in attracting support from various races, including Malay voters, but also became an*

*effective model for political parties in multi-racial societies. This study provides new understanding of inclusive political approaches and the importance of early strategies in building long-term political stability.*

*Keywords: PAP; politic; Singapore; election; strategy; Lee Kuan Yew*

## PENGENALAN

Pasca pendudukan Jepun memperlihatkan berlakunya perubahan terhadap situasi politik Singapura. Perubahan tersebut merangkumi kesedaran rakyat terhadap kepentingan penglibatan dalam politik tempatan (Thum Phin Tjin, 2024). Oleh itu pada penghujung 1940-an, berlakunya perkembangan nasionalisme secara menyeluruh di Singapura sehingga menyebabkan British mengadakan sebuah pilihan raya pada 1948 bagi membolehkan penglibatan masyarakat dalam politik negara (Azlie & Govindasamy, 2019). Situasi ini menyebabkan berlakunya penubuhan parti politik yang baharu, sekali gus mewarnai landskap politik Singapura (Akmalhisam, 2015). Antara parti terawal yang ditubuhkan dalam tempoh tersebut adalah Parti Progresif yang ditubuhkan pada 1947. Di samping itu, parti politik masyarakat Melayu yang ditubuhkan sejak dari 1920-an, iaitu Kesatuan Melayu Singapura turut aktif pada hujung 1940-an. Perkara ini menjadikan politik Singapura itu menjadi semakin dinamik dengan adanya campuran dari parti lama dan parti baharu (Hussin Mutalib, 2004).

Selain itu, awal 1950-an turut menyaksikan lebih banyak parti yang ditubuhkan seperti *Singapore Labour Party* yang ditubuhkan pada 1951, Parti Tindakan Rakyat (*People's Action Party/PAP*) dan Barisan Buruh (*Labour Front/LF*) yang ditubuhkan pada 1954 serta Parti Demokratik yang ditubuhkan pada 1955 (FCO 141/15628). Penubuhan parti baharu berlaku disebabkan proses pilihan raya yang dilaksanakan oleh British di negara ini bermula pada 1948. Selaras dengan perkara tersebut, setiap parti politik yang ditubuhkan berusaha untuk memenangi kerusi yang dipertandingkan supaya mereka mempunyai sebuah platform untuk memperkenalkan bentuk perjuangan parti terhadap rakyat (Barr, 2014). Tambahan pula, proses pilihan raya di Singapura berubah dari masa ke semasa. Antara perubahan tersebut adalah melibatkan pertambahan kerusi, peluang untuk menubuhkan kerajaan dan keterlibatan dalam proses untuk berkerajaan sendiri (FCO 141/15039). Hakikat ini menyebabkan parti politik yang telah ditubuhkan di Singapura dalam tempoh tersebut semakin aktif untuk mengukuhkan kedudukan dalam kalangan masyarakat tempatan, sekaligus membolehkan mereka terlibat secara langsung dalam pentadbiran negara tersebut (FCO 141/15628). Kehadiran parti-parti politik baharu di Singapura ini bukan sahaja menambah recah dalam dinamika politik negara tersebut, malah yang lebih penting adalah menyebabkan persaingan yang berlaku semakin sengit (FCO 141/15628).

Berdasarkan kepada persaingan ini, parti politik yang baharu ditubuhkan ini seterusnya memperlihatkan kepelbagaian strategi politik oleh pemimpin masing-masing bagi mendapatkan sokongan dari masyarakat, sekaligus menguasai politik negara ini (Abdillah, 2022). Walaupun begitu, tumpuan terhadap lensa politik Singapura pada pertengahan 1950-an adalah terhadap PAP. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kebangkitan luar biasa yang dilakukan oleh PAP hanya dalam tempoh lima tahun sahaja parti itu ditubuhkan (Barr, 2014). Malahan, kebangkitan yang berlaku tersebut membolehkan PAP kekal mendominasi politik Singapura sehingga pada hari ini (James Chin, 2023). Situasi yang berlaku ini sekali gus membuktikan keberkesanan strategi politik yang direncanakan oleh kepimpinan PAP pada peringkat awal iaitu dalam tempoh 1955 hingga 1959.

Pilihan raya pada 1950-an ini menjadi signifikasi yang jelas terhadap kebangkitan PAP kerana bermula dari tempoh tersebut, strategi yang direncanakan oleh kepimpinan parti itu mula

membuahkan hasil dan membolehkan parti itu mendominasi politik Singapura untuk tempoh yang lama. Perkara ini dapat dilihat pada pencapaian parti itu, misalnya pada pilihan raya 1955, PAP menang dengan empat kerusi, manakala pada pilihan raya 1959, PAP berjaya meningkatkan jumlah kerusi yang dimenangi iaitu kepada 43 daripada 51 kerusi yang ditandingi (Reports of Legislative Election, 1959). Peningkatan ini jelas membuktikan strategi yang ditonjolkan oleh pemimpin parti itu berjaya mendapatkan sokongan masyarakat, terutamanya dalam kalangan pengundi Melayu (Aljunied, 2022). Antara strategi penting yang direncanakan oleh kepimpinan PAP dapat dilihat pada strategi politik silang yang dipraktikkan oleh kepimpinan utama parti itu seperti iaitu Lee Kuan Yew, Lim Chin Siong dan Othman Wok. Strategi politik silang ini bukan sahaja membantu PAP menang dengan banyak kerusi setiap kali pilihan raya itu diadakan, malah membolehkan PAP mengukuhkan kedudukan terhadap politik Singapura. Objektif penulisan ini adalah untuk menganalisis bagaimana strategi politik silang yang dirancang oleh Parti Tindakan Rakyat (PAP) antara tahun 1954 hingga 1959 berperanan dalam mengukuhkan kedudukan politik parti tersebut di Singapura, khususnya melalui usaha menarik sokongan pelbagai kaum termasuk pengundi Melayu.

## KAJIAN LITERATUR

Sungguhpun banyak kajian sejarah politik yang ditulis berkaitan dengan Singapura, namun perincian mengenai strategi PAP dalam konteks mengukuhkan kedudukan terhadap politik negara tersebut dalam tempoh 1954-1959 masih longgar. Antaranya adalah kajian oleh James Chin (2023) membincangkan mengenai kelangsungan politik PAP berdasarkan kepimpinan baharu parti itu. Namun begitu, kajian ini tidak memperincikan strategi yang dilakukan oleh pemimpin PAP bagi memastikan parti ini terus kekal relevan terhadap politik Singapura. Manakala dapatan kajian oleh Thum Ping Tjin (2024) adalah politik masyarakat Melayu di Singapura memainkan peranan yang penting terhadap parti politik yang bertanding pada pilihan raya di Singapura. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan strategi yang dilakukan oleh PAP untuk mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu. Ang Cheng Guan (2023) dan Belveer Singh (2020) membincangkan politik PAP pada peringkat awal iaitu 1950-an. Walaupun begitu, aspek yang dibincangkan hanya melibatkan perkembangan PAP secara umum kerana tidak membincangkan tindakan PAP, terutamanya strategi yang direncanakan oleh pemimpin parti itu dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan parti tersebut pada peringkat awal di Singapura.

Begitu juga dengan kajian oleh Shashi Jayakumar (2021) membincangkan mengenai perkembangan PAP seiring dengan kemajuan yang dicapai oleh Singapura. Namun begitu, perbincangan yang dilakukan adalah secara naratif, oleh itu perincian mengenai strategi PAP dalam usaha mengukuhkan kedudukan terhadap politik Singapura tidak dibincangkan dengan lebih lanjut. Manakala dapatan kajian oleh Cherian George dan Donald Low (2020) menyatakan kebergantungan politik PAP adalah terhadap tindakan pemimpin lama yang signifikan terhadap imej parti. Namun begitu, kajian ini tidak membincangkan perencanaan strategi yang dilakukan oleh pemimpin PAP, terutamanya dalam konteks pilihan raya di Singapura bagi membuktikan keberkesanan strategi tersebut terhadap kelangsungan parti. Justeru itu, kajian yang akan dilakukan ini membuat perincian terhadap kedudukan PAP dalam politik Singapura iaitu melalui tindakan dan strategi terhadap calon serta isu yang dijadikan kempen di Singapura pada fasa awal iaitu pada pilihan raya 1955 dan 1959 berdasarkan kepada prestasi parti tersebut pada kedua-dua pilihan raya

ini. Perincian terhadap strategi oleh pemimpin PAP merungkaikan faktor yang membolehkan PAP mengasaskan ‘pasak awal’ parti tersebut, dalam usaha menguasai politik negara republik tersebut.

Selain itu, kajian Sumegha Asthana (2024), menganalisis mengenai tindakan PAP mengekalkan legitimasi politiknya di Singapura. Kajian ini menumpukan kepada konsep hubungan pertukaran politik antara kerajaan dan rakyat, iaitu kerajaan menyediakan kestabilan, pembangunan ekonomi dan keselamatan sebagai balasan kepada sokongan politik rakyat. Walaupun begitu, kajian tidak memperincikan strategi yang dilakukan oleh PAP bagi mendominasi sokongan masyarakat Melayu dalam tempoh yang lama di negara ini. Dapatan kajian Say Jye Quah & Bertrand Seah (2024) pula menyatakan tindakan PAP mengekalkan dominasi politiknya di Singapura melalui penekanan terhadap isu-isu ekonomi asas atau “bread-and-butter” dalam wacana politik. Walaupun begitu, kajian ini tidak memperincikan tindakan yang dilakukan oleh PAP dalam usaha mengukuhkan kedudukan politik terhadap masyarakat Melayu di Singapura.

Seterusnya, kajian Kai Ye (2024) menganalisis perubahan sistem politik dan pilihan raya Singapura sejak kemerdekaan negara tersebut. Kajian ini menyoroti mengenai Parti Tindakan Rakyat (PAP) mengekalkan dominasi politiknya melalui mekanisme institusi dan struktur pilihan raya. Walau bagaimanapun, konteks perbincangan kajian ini dilakukan secara umum dan perkara ini secara tidak langsung menyebabkan perspektif atau tindakan PAP terhadap pengundi Melayu di Singapura tidak diperincikan. Kajian Kay Key Teo, Ern Ser Tan, dan Zhengxu Wang (2024) membincangkan sokongan terhadap PAP yang menjadi satu ‘normal baharu’, merangkumi persepsi rakyat terhadap kecekapan dan kestabilan yang ditawarkan oleh kerajaan. Faktor ini membolehkan PAP terus mengukuhkan kedudukan terhadap politik Singapura sehingga kini. Walaupun begitu, konteks perbincangan dilakukan secara umum dan perkara ini secara tidak langsung menyebabkan faktor penguasaan PAP terhadap pengundi Melayu tidak diperincikan. Kajian Kenneth Paul Tan (2025) menganalisis peranan *podcast* yang digunakan oleh PAP sebagai alat untuk memperkukuh hegemoni serta sebagai medium bagi penentangan ideologi terhadap politik di Singapura. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincang secara mendalam mengenai pelaksanaan strategi terhadap pengundi Melayu yang rata-rata mempunyai perbezaan dari segi bahasa dan budaya oleh calon PAP yang rata-ratanya berbangsa Cina.

Di samping itu, kajian ini turut melihat catatan atau autobiografi yang ditulis oleh pemimpin PAP yang terlibat secara langsung dalam politik Singapura pada peringkat awal penubuhan parti itu. Penelitian terhadap penulisan individu atau pemimpin yang terlibat secara langsung ini bukan sahaja memberi gambaran yang jelas terhadap situasi politik yang berlaku dalam tempoh tersebut, malah turut mendedahkan perkara yang penting seperti faktor dan dasar terhadap situasi yang berlaku. Antara buku yang diteliti adalah *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew* dan *From the Third World to First: The Singapore Story, 1965-2000* oleh Lee Kuan Yew. Kedua-dua buku ini menceritakan pengalaman Lee Kuan Yew, iaitu pengasas utama PAP dan Perdana Menteri Singapura yang pertama (1959-1990) dalam mentadbir negara. Walaupun begitu, buku ini tidak membincangkan dengan lebih lanjut mengenai strategi yang direncanakan oleh PAP, terutamanya pada peringkat awal bagi membolehkan parti ini terus mendominasi politik Singapura. Perbincangan mengenai strategi PAP hanya dibuat secara umum dan memerlukan perincian lebih lanjut. Berdasarkan kepada kajian literatur ini, sebuah kajian baharu yang membincangkan mengenai strategi politik silang oleh PAP akan diperincikan dengan lebih lanjut.

## METODOLOGI

Kajian yang dilakukan berkenaan strategi politik silang oleh PAP dalam usaha mengukuhkan kedudukan politik di Singapura ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif melalui penganalisaan terhadap sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah seperti laporan dari jabatan yang menguruskan pilihan raya di Singapura, *Election Department* (ELD) yang diperoleh dari *Singapore National Archive*. Selain itu, kajian ini turut menggunakan dokumen dari *National Archive*, Kew seperti *Colonial Office* (CO) dan *Foreign Office* (FO) bagi mendapatkan kesinambungan terhadap kajian yang dilakukan. Kesemua dokumen yang dinyatakan tersebut dianalisis secara tematik seperti yang dicadangkan oleh Ranke (2010). Kaedah tersebut bersesuaian untuk kajian yang melibatkan politik pilihan raya semasa dibawah penjajahan British. Kaedah analisis dokumen ini melibatkan dua peringkat iaitu mengenal pasti dokumen yang relevan dengan kajian dan membandingkan dokumen tersebut untuk memastikan data yang kukuh. Misalnya penggunaan dokumen *Colonial Office* dan *Foreign Office* dipilih kerana kedua-dua dokumen ini mengandungi minit mesyuarat dan catatan mengenai dasar dan tindakan British terhadap Singapura dalam tempoh 1948-1959. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan laporan British terhadap perkembangan politik di Singapura, terutamanya perkara yang melibatkan proses pilihan raya dalam tempoh 1955-1959. Selain itu, kajian ini turut menggunakan membuat perbandingan dengan sumber sekunder seperti buku dan makalah dari sarjana lalu supaya perbincangan yang dilakukan dapat memberi perspektif baharu untuk kajian.

## SISTEM PILIHAN RAYA DI SINGAPURA 1955-1959

Tempoh 1955 hingga 1959 memperlihatkan sistem pilihan raya di Singapura mengalami perubahan yang signifikan terhadap usaha ke arah pemerintahan sendiri dan akhirnya mencapai kemerdekaan. Sepanjang tempoh tersebut, Singapura menyaksikan perubahan politik yang membawa kepada perluasan hak mengundi, peningkatan penyertaan rakyat dalam pentadbiran, serta kemunculan parti politik yang memainkan peranan penting dalam membentuk landskap politik negara tersebut.

Pelaksanaan sistem pilihan raya pada tahun 1955 merupakan detik penting dalam sejarah politik Singapura, kerana ia membuktikan bermulanya proses pemerintahan sendiri yang lebih luas. Sebelum tahun tersebut, rakyat Singapura tidak diberikan kuasa penuh untuk memilih wakil rakyat dan pentadbiran masih dikuasai oleh penjajah British sepenuhnya. Namun begitu pengenalan Perlembagaan Rendel memperlihatkan perubahan besar berlaku terhadap struktur politik negara tersebut. Perlembagaan Rendel mencadangkan bentuk pentadbiran yang memberi lebih banyak kuasa kepada rakyat tempatan. Perlembagaan ini bertujuan untuk memperkenalkan sistem kerajaan sendiri secara berperingkat, sebagai persediaan untuk pemerintahan sendiri sepenuhnya pada masa hadapan. Salah satu elemen terpenting dalam perlembagaan ini ialah pembentukan Majlis Perundangan baharu yang mempunyai keanggotaan yang lebih besar dan lebih banyak kerusi dipertandingkan secara pilihan raya (CO 1022/92).

Oleh demikian, PRU 1955 merupakan PRU pertama yang menentukan kerajaan oleh rakyat berdasarkan 25 kerusi yang ditandingi. Perkara ini membolehkan suara rakyat diwakili secara lebih demokratik dalam urusan pemerintahan. PRU 1955 ini turut memperlihatkan pentadbiran British di Singapura menggunakan sistem 'first-past-the-post', seperti di UK kerana

masyarakat di Singapura turut berbilang kaum dan agama. Selain itu, perubahan Perlembagaan Rendel menetapkan pentadbiran eksekutif akan diketuai oleh Ketua Menteri dari parti yang mempunyai majoriti untuk menubuhkan kerajaan. Walaupun British masih mengekalkan kuasa dalam bidang keselamatan dan hal ehwal luar, Ketua Menteri diberikan kuasa dalam bidang-bidang sosial dan ekonomi, sekali gus memperlihatkan peningkatan pengaruh tempatan dalam pentadbiran (CO 1030/81). Secara asasnya, pelaksanaan PRU 1955 bukan sahaja memperkenalkan elemen-elemen demokrasi dalam sistem pemerintahan Singapura, malah ia juga membuka ruang kepada kemunculan parti-parti politik baharu seperti PAP yang kemudiannya menjadi parti dominan dalam politik Singapura.

PRU 1959 pula memperlihatkan perubahan dilakukan bagi melicinkan proses ke arah sistem berkerajaan sendiri di negara tersebut. Oleh itu, PRU 1959 ini merupakan detik bersejarah bagi Singapura kerana buat pertama kalinya negara itu melaksanakan PRU sepenuhnya untuk membentuk sebuah kerajaan yang memiliki kuasa pemerintahan sendiri secara menyeluruh, kecuali dalam bidang pertahanan dan hal ehwal luar. Pilihan raya ini adalah hasil daripada perkembangan politik dan menjadi sinifikasi terhadap permulaan sebenar kepada pemerintahan sendiri oleh rakyat Singapura. Sistem PRU 1959 dilakukan berlandaskan kepada Perlembagaan Singapura 1958 yang digubal semula oleh pentadbiran British. Perlembagaan ini memberikan kuasa pemerintahan sendiri sepenuhnya kepada Singapura dalam urusan dalaman sebagai langkah utama kepada pembentukan kerajaan berparlimen yang dipilih rakyat (FO 371/135648). Justeru itu, ketua untuk pentadbiran eksekutif yang baharu di Singapura dikenali sebagai Perdana Menteri. Pelantikan ini merupakan simbol sebenar kepada peralihan kuasa politik daripada penjajah kepada pemimpin tempatan yang dipilih oleh rakyat. Dalam perlembagaan baharu ini, sebuah badan legislatif yang dikenali dengan Majlis Perundangan ditukarkan kepada Dewan Perundangan (*Legislative Assembly*). Sehubungan dengan perkara tersebut, Perlembagaan 1958 yang digubal ini turut memperlihatkan jumlah kerusi meningkat dari 25 kerusi kepada 51 kerusi dipertandingkan (FCO 141/15093). Selain itu, Perlembagaan 1958 turut mengekalkan sistem '*first-past-the-post*' dalam PRU negara tersebut.

Secara keseluruhannya, tempoh antara 1955 hingga 1959 merupakan fasa transisi penting dalam sejarah politik Singapura. Perkembangan sistem pilihan raya yang berlaku secara berperingkat membuktikan kesedaran rakyat terhadap hak politik serta keinginan untuk menentukan masa depan negara sendiri. Dari sebuah sistem yang dikawal oleh penjajah kepada sebuah demokrasi yang memberikan suara kepada rakyat, pemimpin politik tempatan berjaya membina asas yang kukuh untuk mencapai kemerdekaan penuh sebagai langkah seterusnya.

## DEFINISI POLITIK SILANG DALAM KERANGKA POLITIK

Secara literal, perkataan silang membawa maksud berlawanan dengan perkara yang berlaku (Kamus Dewan, 2007). Berdasarkan kepada definisi tersebut, istilah silang dalam politik lebih kepada perkara yang melibatkan strategi kerana perkara ini merangkumi tindakan yang berlawanan dengan situasi yang berlaku (Jacobs, 2022). Justeru itu, tafsiran politik silang dalam perkembangan politik untuk sesebuah negara adalah membawa pendekatan yang baharu dan berlawanan dengan keadaan semasa bertujuan untuk mendapatkan sokongan dari masyarakat tempatan (Jacobs, 2022). Secara konseptual, politik silang ini merupakan strategi yang dibawa oleh pemimpin politik sama ada secara individu atau secara berkumpulan bagi mengukuhkan kedudukan terhadap politik di tempat atau kawasan yang menjadi sasaran (Jacobs, 2022). Melalui strategi politik silang ini, parti

atau pemimpin politik yang bersaing akan dilihat lebih menonjol berbanding dengan pihak lawan kerana pendekatan yang dibawa bertentangan dengan arus perdana (Biebricher, 2019). Namun begitu, sekiranya pihak lawan turut membawa pendekatan yang sama, keberkesanan strategi politik silang ini akan dilihat berdasarkan kepada keupayaan yang dibawa oleh pemimpin gerakan tersebut (Biebricher, 2019). Selain itu, politik silang ini turut melibatkan gerakan massa, terutamanya dalam kalangan masyarakat tempatan. Penglibatan masyarakat tempatan terhadap pendekatan politik silang ini akan menjadi penentu terhadap keberkesanan strategi politik silang sama ada berjaya atau sebaliknya dalam usaha mencapai tujuan yang digariskan oleh pihak yang merencanakan pendekatan politik silang ini bagi meraih sokongan (Biebricher, 2019).

Sejarah implementasi strategi politik silang ini memperlihatkan taktikal ini dipelopori oleh beberapa tokoh politik terkemuka dari Eropah dan memberi 'keuntungan' yang besar kepada mereka. Mereka memperoleh sokongan dan berada pada tempoh yang lama untuk kedudukan politik di negara tersebut (Brecht, 2015). Kebanyakan pelopor politik silang ini bermula dari Eropah disebabkan oleh faktor persaingan politik yang sengit di rantau tersebut, terutamanya dalam tempoh semasa dan selepas Perang Dunia Pertama yang berlaku pada 1914-1918 (Brecht, 2015). Antara pelopor politik silang dalam tempoh tersebut adalah gerakan yang dibawa oleh Bolshevik di Rusia pada dalam tempoh 1914-1917 (Brecht, 2015). Dalam tempoh tersebut, Bolshevik membawa pendekatan politik silang di Rusia bagi menjatuhkan pentadbiran monarki Tsar Nicholas II Romanov (1894-1917). Pemimpin Bolshevik seperti Vladimir Lenin dan Mikhail Tomsy menggunakan alasan penindasan yang dilakukan oleh pentadbiran monarki menyebabkan rakyat Rusia terhadap menghadapi tekanan ekonomi yang mengakibatkan kemelesetan ekonomi (Wood, 2019). Walaupun begitu, dalam tempoh ini memperlihatkan, Raja dan keluarganya merupakan individu dihormati oleh masyarakat Rusia dan sukar untuk dijatuhkan dengan mudah (Wood, 2019). Oleh itu Lenin dan Tomsy berusaha mengapi-apikan kemarahan rakyat di Rusia dengan membuat dakwaan kemelesetan ekonomi Rusia disebabkan oleh perbelanjaan mewah oleh golongan keluarga diraja Rusia. Perkara ini secara tidak langsung mengubah sikap rakyat dari menyanjung kepada membenci Tsar Nicholas II (Wood, 2019). Situasi ini membuktikan Bolshevik melaksanakan strategi melawan arus atau politik silang dalam usaha menjatuhkan pentadbiran monarki di Rusia. Melalui pendekatan politik silang yang dibawa oleh Bolshevik ini, kumpulan tersebut berjaya menjatuhkan pentadbiran monarki yang telah wujud sejak kurun ke-16 dengan kerjasama dari rakyat (Wood, 2019). Berdasarkan kepada situasi tersebut, strategi politik silang atau tindakan melawan arus perdana yang dipraktikkan oleh Bolshevik bukan sahaja membantu gerakan ini menggulingkan dinasti raja, malah mengukuhkan kedudukan gerakan tersebut terhadap politik Rusia dalam tempoh yang lama.

Manakala di rantau Asia Tenggara, khususnya Tanah Melayu, pelopor strategi politik silang ini dapat dilihat pada tindakan yang dilakukan oleh Dato' Onn terhadap perkembangan politik negara ini. Politik silang yang dibawakan oleh Dato' Onn ini pada akhirnya membawa kelangsungan politik untuk tempoh yang lama terhadap UMNO, sekaligus membolehkan dominasi politik dilakukan di Tanah Melayu (Syed Husin, 2024). Pada tempoh tersebut, Dato' Onn membawa pendekatan politik silang dan melawan arus perdana situasi politik melalui tindakan menentang hasrat British untuk menubuhkan *Malayan Union* (CO 537/2143). Pada peringkat awal, gerakan ini dilakukan dengan usaha mempengaruhi Sultan melalui beberapa strategi seperti boikot secara besar-besaran terhadap majlis pengisytiharaan yang dilakukan pada 1 April 1946. Seterusnya, langkah yang diambil oleh Dato' Onn adalah melibatkan gerakan massa dengan mengumpulkan rakyat dan melakukan demonstrasi bagi menunjukkan ketidakpuasan hati masyarakat Melayu secara terang-terangan (CO 537/2143). Kejayaan Dato' Onn dalam usaha

merencanakan strategi politik silang ini secara tidak langsung mengasaskan ‘pasak yang kukuh’ terhadap UMNO. Perkara ini secara tidak langsung membolehkan UMNO mendominasi politik Tanah Melayu, seterusnya Malaysia dalam tempoh yang lama.

Berdasarkan kepada kejayaan strategi politik silang yang dilakukan oleh tokoh politik terdahulu, Lee Kuan Yew mengambil pendekatan yang sama dalam usaha mendominasi politik di Singapura. Beliau menyatakan strategi politik PAP pada peringkat awal adalah menjadi kepada asas pengaruh PAP pada masa akan datang (Lee Kuan Yew, 2012). Perkara ini membuktikan strategi politik yang diterapkan oleh pemimpin utama PAP seperti Lee Kuan Yew dan Lim Chin Siong adalah memastikan PAP mendahului persaingan politik dengan seteru utama seperti LF, Parti Progresif dan Parti Demokratik pada peringkat awal. Oleh itu, strategi politik silang yang dipraktikkan oleh PAP adalah bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan parti tersebut terhadap politik di Singapura. Dalam hal ini, strategi politik silang yang dipraktikkan PAP ini dilakukan berdasarkan kepada susun atur oleh kepimpinan parti tersebut mengikut pilihan raya dalam tempoh 1955-1964.

### STRATEGI POLITIK SILANG PAP PADA PILIHAN RAYA 1955

PAP didaftarkan secara rasmi dengan ELD pada 21 November 1954 (FCO 141/15039). Namun begitu, gerakan dan cadangan mengenai penubuhan PAP ini telah diaturkan sejak awal 1950-an, iaitu semasa Lee Kuan Yew menjadi pencadang untuk Parti Progresif (FCO 141/15039). Beliau menyatakan Parti Progresif tidak sesuai dengan matlamat perjuangannya dan keluar dari parti itu pada 1952. Lee Kuan Yew kemudiannya menubuhkan PAP dengan matlamat untuk merealisasikan politik rentas kaum di Singapura (Lee Kuan Yew, 2012). Penubuhan PAP ini dianggap tepat oleh segelintir rakyat Singapura kerana mereka memerlukan sebuah alternatif Parti Progresif dan LF (FCO 141/15664). Selain itu, penubuhan PAP ini menjadikan Pilihan Raya 1955 ini adalah ujian pertama parti tersebut sejak ditubuhkan. Pada pilihan raya ini juga, strategi politik silang dipraktikkan oleh Lee Kuan Yew sebagai strategi utama parti tersebut dalam usaha untuk bertapak dalam politik Singapura.

Pilihan Raya 1955 ini memperlihatkan PAP hanya bertanding sebanyak empat kerusi sahaja iaitu Bukit Timah, Farrer Park, Punggol-Tampines dan Tanjong Pagar (Reports of Legislative Election, 1955). Lee Kuan Yew menyatakan tujuan PAP bertanding pada pilihan raya ini bukanlah untuk menubuhkan kerajaan semata-mata, tetapi sekurang-kurangnya mempunyai wakil yang mampu membawa suara rakyat ke dalam Dewan Legislatif (FCO 141/15039). Beliau turut menyatakan PAP berusaha mengetengahkan wakil rakyat yang efektif dalam dewan agar dapat mengimbangi kuasa politik di Singapura dengan lebih baik (FCO 141/15039). Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, PAP mengambil pendekatan untuk bertanding pada kerusi-kerusi yang dianggap penting oleh mereka. Oleh itu PAP hanya fokus untuk bertanding di kerusi yang akan menonjolkan kualiti calon parti (FCO 141/15039). Perkara ini sekaligus menunjukkan strategi politik silang yang diterapkan oleh PAP ini bermula seawal pembabitan parti tersebut pada Pilihan Raya 1955.

Walapun PAP tidak mempertaruhkan jumlah calon yang ramai, namun strategi politik silang yang diterapkan oleh Lee Kuan Yew dapat dilihat menerusi kerusi yang ditandingi oleh parti itu. Kerusi yang ditandingi oleh PAP ini merupakan kerusi penting dalam kedudukan politik Singapura pada Pilihan Raya 1955. Kesemua kerusi yang ditandingi PAP ini mempunyai jumlah pengundi yang ramai. Misalnya kerusi Tanjong Pagar mempunyai jumlah pengundi yang seramai



16,449 orang, manakala kerusi Bukit Timah mempunyai jumlah pengundi seramai 15,429 orang, kerusi Farrer Park mempunyai jumlah pengundi 16,276 orang dan kerusi Punggol-Tampines mempunyai pengundi seramai 14,983 orang (Reports of Legislative Election, 1955). Jumlah pengundi ini secara tidak langsung menunjukkan kerusi ini penting terhadap politik Singapura dan menjadi faktor utama PAP bertanding di kerusi ini (CO 1022/385).

Keempat-empat kerusi yang ditandingi oleh PAP ini merupakan ‘kunci’ terhadap politik di Singapura berdasarkan kepada jumlah pengundi tersebut. Perkara ini membuktikan PAP mempraktikkan politik silang terhadap pemilihan kerusi yang ditandingi ini kerana kepimpinan parti tersebut tidak bertanding pada jumlah kerusi yang banyak seperti parti-parti lain, iaitu Parti Demokratik bertanding 23 kerusi, Parti Progresif bertanding sebanyak 22 kerusi dan LF bertanding sebanyak 17 kerusi (Reports of Legislative Election, 1955). Berdasarkan kepada situasi tersebut, Lee Kuan Yew menyatakan PAP hanya memilih untuk bertanding pada kerusi yang berkualiti dan berpotensi untuk menjadi pengkalan politik untuk mereka bagi menonjolkan keberadaan PAP terhadap politik Singapura (FCO 141/15306).

Selain itu, strategi politik silang yang dipraktikkan oleh PAP pada pilihan raya ini turut dilihat berdasarkan kepada calon yang bertanding atas tiket parti itu. Antara strategi politik yang dipraktikkan oleh semua calon PAP berdasarkan kepada kempen mereka iaitu menentang keras terhadap Perlembagaan Rendel yang diperkenalkan oleh pentadbiran British pada 1955. Perlembagaan Rendel adalah sebuah perlembagaan bertulis yang dibuat khas untuk Singapura. Perangkaan perlembagaan ini diketuai oleh George Rendel dan merangkumi 16 perkara yang melibatkan aspek politik, ekonomi dan sosial di Singapura (Report of the Constitutional Commission, 1954). Dalam masa rakyat dan pemimpin politik tempatan menyambut baik perlembagaan yang dicadangkan oleh British ini, Lee Kuan Yew mengambil pendekatan untuk menentang pelaksanaan perlembagaan ini (FO 371/135648). Tindakan melawan arus politik yang ditonjolkan oleh Lee Kuan Yew ini merupakan kesinambungan dari politik silang oleh PAP yang bertujuan memperlihatkan kepada rakyat bahawa PAP lebih mengutamakan kesan dan dasar yang melibatkan kepentingan masyarakat tempatan (FCO 141/15306). Berdasarkan kepada strategi politik silang oleh PAP yang melibatkan kritikan terhadap Perlembagaan Rendel ini, Lee Kuan Yew dan calon PAP yang lain mengkritik Perlembagaan Rendel (FCO 141/7472). Lee Kuan Yew menyatakan Perlembagaan Rendel ini hanya sebuah manipulasi dari British untuk melengahkan kemerdekaan kepada Singapura dan akan memberi kesan untuk jangka masa panjang terhadap aspek politik dan sosial negara ini (FCO 141/7472).

Penentangan keras PAP terhadap Perlembagaan Rendel ini memperlihatkan kepada masyarakat tempatan Singapura mengenai kepentingan penggubalan perlembagaan perlu dilakukan mengikut tafsiran tempatan di Singapura itu sendiri, bukan berdasarkan kepada acuan dari British (FCO 141/14507). Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan calon PAP ini memperoleh sokongan dari masyarakat di Singapura pada Pilihan Raya 1955, termasuk sokongan dari masyarakat Melayu. Perkara ini dapat dibuktikan kemenangan PAP pada kerusi yang ditandingi parti itu dengan majoriti yang besar. Misalnya di Tanjong Pagar, PAP menang dengan majoriti 5,121 undi dengan menguasai 79.4 peratus pengundi. Manakala di kerusi Bukit Timah, PAP menang dengan majoriti 1,951 undi dan di Punggol-Tampines, PAP menang dengan majoriti 1,209 undi. Walaupun tewas di kerusi Farrer Park, namun jumlah majoriti pihak lawan hanya jumlah kecil iaitu 366 undi (Reports of Legislative Election, 1955). Berdasarkan kepada keputusan tersebut, Pilihan Raya 1955 memperlihatkan PAP berusaha untuk mendapatkan sokongan dari masyarakat di Singapura, termasuk pengundi Melayu menerusi politik silang yang diterapkan oleh calon yang bertanding atas tiket parti tersebut.

## STRATEGI POLITIK SILANG PAP PADA PILIHAN RAYA 1959

Pilihan Raya 1959 merupakan pilihan raya kedua yang ditandingi oleh PAP di Singapura. Pilihan raya ini memperlihatkan kesungguhan PAP untuk mendominasi politik di negara ini berdasarkan kepada jumlah calon yang dipertaruhkan oleh parti tersebut. Selain itu, pilihan raya ini turut memperlihatkan PAP sebagai parti tunggal yang bertanding untuk semua kerusi di Singapura yang berjumlah 51 secara keseluruhan. Manakala pesaing utamanya, Perikatan Rakyat Singapura (*Singapore Peoples Alliance/SPA*) hanya bertanding sebanyak 39 kerusi dan manakala Parti Liberal Sosialis (*Liberal Socialist Party/LSP*) bertanding sebanyak 32 kerusi (Reports of Legislative Election, 1959). Untuk memenangi kesemua kerusi yang dipertandingkan ini, PAP bukan sahaja perlu menguasai pengundi Cina yang berjumlah 74.5 peratus pada Pilihan Raya 1959, malah PAP juga perlu mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu yang berjumlah 19.2 peratus dan pengundi India 6.3 peratus (Reports of Legislative Election, 1959). Tindakan PAP dalam usaha menguasai undi dari pengundi Melayu dan pengundi India ini dapat dilihat pada pendekatan politik silang yang dipraktikkan oleh kepimpinan parti tersebut.

Strategi politik silang oleh PAP pada pilihan raya ini memperlihatkan perbezaan berbanding pilihan raya yang lalu kerana pada Pilihan Raya 1959, strategi politik silang oleh PAP lebih tertumpu terhadap aspek mengketengahkan calon bangsa Melayu. Tindakan ini dilakukan bagi mengatasi persaingan dari UMNO yang bertanding pada lapan kerusi pada pilihan raya ini serta rancangan dari PAP bagi mendapatkan sokongan dari masyarakat Melayu terhadap parti tersebut (CO 1030/637). Pilihan raya ini turut memperlihatkan politik silang ini sebagai strategi utama oleh PAP bagi mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu. Menerusi strategi politik silang ini, PAP menjadi parti pertama di Singapura yang mencalonkan bangsa Melayu bertanding atas tiket parti yang diketuai oleh masyarakat Cina (CO 1030/637). Landskap politik Singapura pada 1940-an hingga 1950-an memperlihatkan kecenderungan politik masih lagi berasaskan kaum. Oleh itu tindakan politik PAP mencalonkan bangsa Melayu bertanding melalui tiket parti tersebut dianggap perjudian yang besar terhadap parti itu. Walaupun begitu, Lee Kuan Yew menyatakan strategi politik melawan 'arus' menjadi signifikansi yang besar terhadap politik Singapura (FCO 141/15306). Selain itu, beliau turut menyatakan strategi politik silang terhadap pencalonan bangsa Melayu untuk menonjolkan PAP adalah parti kepada semua kaum. (FCO 141/15306). Situasi ini memperlihatkan PAP melaksanakan strategi politik silang dengan melawan arus politik Singapura pada tempoh tersebut berdasarkan calon bangsa Melayu yang dipertaruhkan oleh parti itu. Melalui strategi ini, PAP memperlihatkan kepada pengundi bahawa parti tersebut bukan hanya memperjuangkan untuk bangsa Cina semata-mata, tetapi perjuangan yang dilakukan turut melibatkan kepentingan bangsa Melayu (James Chin, 2023).

Pada pilihan raya ini, seramai enam orang calon berbangsa Melayu yang dipertaruhkan oleh PAP. Calon tersebut adalah Baharudin Mohamed Ariff yang bertanding di Anson, Yaacob Mohamed di Bukit Timah, Mohamed Ismail di Geylang East, Ahmad Ibrahim di Sembawang, Mohd Ariff Suradi di Ulu Pandan dan Sahorah Ahmat bertanding di Siglap (Reports of Legislative Election, 1959). Kesemua kerusi yang ditandingi oleh calon bangsa Melayu dari PAP merupakan kerusi yang mempunyai majoriti pengundi Melayu. Melalui strategi politik silang ini, PAP berusaha mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu kerana rata-rata pengundi bangsa Melayu ini menjadi penentu kemenangan untuk PAP di beberapa kerusi yang ditandingi oleh parti tersebut. Misalnya di kerusi Bras Basah, Changi, Geylang West dan Jalan Besar. Walaupun taraf kerusi tersebut merupakan kerusi majoriti pengundi Cina, namun nisbah pengundi Cina dan Melayu adalah 40:30 secara purata (Reports of Legislative Election, 1959). Untuk memenangi kerusi

tersebut dengan majoriti yang selesa, PAP perlu mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu. Perkara ini menunjukkan PAP tidak boleh bergantung kepada sokongan dari pengundi Cina semata-mata untuk menang (Cherian George & Donald Low, 2020). Oleh itu PAP berusaha mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu ini melalui strategi politik silang yang dipraktikkan oleh kepimpinan parti itu.

Di samping itu, strategi politik silang ini turut dilihat pada kempen yang diaturkan oleh pemimpin PAP sejak Dewan Legislatif dibubarkan pada 31 Mac 1959. PAP mengatur langkah melalui politik silang ini dengan melakukan kempen melibatkan keahlian parti (CO 1030/702). PAP memperhebatkan kempen mereka dengan membuka keahlian parti tersebut kepada masyarakat Melayu. Perkara ini merupakan strategi politik silang yang diterapkan oleh Lee Kuan Yew bagi menonjolkan perjuangan PAP bukan untuk masyarakat Cina, tetapi terbuka kepada semua kaum (CO 1030/702). Oleh itu menjelang Pilihan Raya 1959, seramai 3,709 masyarakat Melayu menyertai PAP. Jumlah ini lebih tinggi berbanding penyertaan masyarakat Melayu dalam UMNO iaitu 1,518 orang pada 1959 (CO 1030/702). Melalui keterbukaan keahlian ini, PAP membuktikan parti tersebut tidak terbatas untuk kaum tertentu. Perkara ini merupakan kali pertama kempen secara besar-besaran sebuah parti dibuka untuk semua kaum di Singapura. Situasi ini secara tidak langsung menunjukkan Lee Kuan Yew mempraktikkan strategi politik silang pada pilihan raya 1959 dalam usaha mendapatkan sokongan dari semua kaum di Singapura.

## KEBERKESANAN STRATEGI POLITIK SILANG TERHADAP PAP

Strategi politik silang yang dipraktikkan oleh kepimpinan PAP memperlihatkan implikasi yang penting terhadap kedudukan parti itu dalam tempoh 1955 sehingga 1959. Sungguhpun demikian, strategi politik silang ini membantu PAP meraih sokongan dalam kalangan masyarakat, terutamanya dalam kalangan pengundi Melayu (James Chin, 2025). Perkara ini dapat dilihat pada keputusan yang diperoleh PAP berdasarkan penglibatan parti tersebut dalam pilihan raya di Singapura ini. Jadual 1 memaparkan prestasi PAP terhadap pilihan raya di Singapura dalam tempoh 1955 sehingga 1963. Berdasarkan kepada jadual tersebut, jumlah kerusi yang dimenangi oleh PAP meningkat dari tiga kerusi pada pilihan raya 1955 kepada 43 kerusi pada pilihan raya 1959. Selaras dengan peningkatan tersebut, jumlah undi popular yang dicatatkan oleh PAP turut meningkat dari 13,634 undi, iaitu 8.7 peratus pada pilihan raya 1955 kepada 281,891 undi, iaitu 54 peratus. Peningkatan jumlah kerusi yang dimenangi dan undi popular ini membuktikan PAP berjaya mempraktikkan strategi politik silang sebagai strategi utama parti tersebut untuk menang dengan lebih banyak kerusi pada pilihan raya 1959.

JADUAL 1. Perbandingan Prestasi PAP pada Pilihan Raya 1955 dan 1959

| Tahun Pilihan Raya | Jumlah Kerusi Tanding | Jumlah Kerusi Menang | Undi Popular |         |
|--------------------|-----------------------|----------------------|--------------|---------|
|                    |                       |                      | Jumlah       | Peratus |
| 1955               | 4                     | 3                    | 13,634       | 8.7     |
| 1959               | 51                    | 43                   | 281,891      | 54.0    |

*Sumber: Reports of Legislative Election, 1959, Singapore Election Department*

Prestasi PAP pada pilihan raya dalam 1955 dan 1959 turut memperlihatkan kejayaan strategi politik silang melalui peningkatan sokongan masyarakat Melayu terhadap calon PAP yang bertanding. Berdasarkan kepada prestasi calon PAP pada pilihan raya 1959, sokongan masyarakat Melayu terhadap parti ini meningkat berbanding pilihan raya 1955. Perkara ini jelas terbukti

melalui sokongan yang diperoleh terhadap calon bangsa Melayu yang dipertaruhkan oleh PAP. Jadual 2 memaparkan prestasi calon bangsa Melayu yang bertanding atas tiket PAP pada pilihan raya 1959. Berdasarkan kepada jadual tersebut, kesemua calon Melayu yang dipertaruhkan oleh PAP menang dengan majoriti yang selesa iaitu 1,500 undi hingga 3,500 undi. Jumlah majoriti paling tinggi adalah di kerusi Bukit Timah iaitu 3,714 undi. Jumlah ini diikuti oleh kerusi Anson yang mencatatkan jumlah majoriti 3,292 undi. Seterusnya adalah kerusi Sembawang iaitu 2,750 undi dan kerusi Siglap iaitu majoriti 1,646 undi. Kemenangan dengan majoriti yang selesa oleh calon bangsa Melayu yang bertanding atas tiket PAP ini membuktikan kejayaan politik silang yang dipraktikkan oleh parti itu. Melalui strategi politik silang yang melibatkan pencalonan bangsa Melayu ini, PAP berjaya menonjolkan parti ini terbuka untuk semua kaum, sekali gus membantu PAP mendapatkan sokongan yang lebih besar berbanding parti lawan.


JADUAL 2. Prestasi Calon Bangsa Melayu PAP, Pilihan Raya 1959

| Kerusi       | Pilihan Raya 1959 |                 | Demografi Pengundi |       |       |           |
|--------------|-------------------|-----------------|--------------------|-------|-------|-----------|
|              | Jumlah Undi       | Jumlah Majoriti | Melayu             | Cina  | India | Lain-Lain |
| Anson        | 5,167             | 3,292           | 34.7%              | 46.8% | 16.5% | 2%        |
| Bukit Timah  | 6,174             | 3,714           | 39.6%              | 51.7% | 7.7%  | 1%        |
| Geylang East | 7,153             | 1,738           | 27.1%              | 53.3% | 16.6% | 3%        |
| Sembawang    | 4,316             | 2,750           | 31.4%              | 49.5% | 17.1% | 2%        |
| Ulu Pandan   | 4,420             | 1,520           | 23.6%              | 55.9% | 19.5% | 1%        |
| Siglap       | 4,407             | 1,646           | 35.8%              | 50.3% | 12.9% | 1%        |

*Sumber: Reports of Legislative Election, 1959, Singapore Election Department*

Di samping itu, keberkesanan politik silang oleh PAP ini turut melibatkan semua calon PAP yang bertanding pada pilihan raya 1959 dan mereka memperoleh sokongan dari pengundi Melayu. Perkara ini menyebabkan berlakunya peningkatan undi terhadap calon PAP. Antara calon yang memperoleh peningkatan undi ketara berbanding pilihan raya 1955 adalah Lee Kuan Yew. Beliau merupakan pemimpin utama PAP dan pencetus terhadap strategi politik silang. Graf 1 menunjukkan perbandingan sokongan yang diperoleh Lee Kuan Yew di kerusi Tanjong Pagar. Berdasarkan kepada keputusan tersebut, sokongan terhadap Lee Kuan Yew meningkat secara mendadak berbanding sebelumnya iaitu pilihan raya 1955 menunjukkan Lee Kuan Yew memperoleh 5,029 undi meningkat kepada 8,617 undi pada pilihan raya 1959. Peningkatan sokongan ini disebabkan oleh sokongan dari pengundi Melayu yang memilih untuk mengundi beliau. Pada pilihan raya 1959, peratus pengundi Melayu di kerusi ini adalah 37.8 peratus iaitu bersamaan 4,536 orang. Situasi ini membuktikan sokongan dari pengundi Melayu terhadap Lee Kuan Yew ini merupakan rentetan dari kejayaan strategi politik silang. Beliau berjaya menonjolkan politik PAP adalah untuk semua kaum dan tindakan tersebut membolehkan beliau menguasai sokongan dari pengundi Melayu.

GRAF 1. Perbandingan Undi Lee Kuan Yew Pada Pilihan Raya 1955 dan 1959



Sumber: *Reports of Legislative Election, 1959, Singapore Election Department*

Strategi politik silang seterusnya membuktikan sokongan PAP adalah dari kumpulan pengundi berumur 21-45. Berdasarkan kepada Akta Pilihan Raya Singapura 1948, individu yang berumur 21 tahun ke atas layak mengundi. Strategi politik silang PAP ini seterusnya berjaya mendominasi pengundi kumpulan ini. Pada pilihan raya 1955, pengundi berumur 21-45 tahun berjumlah 31,840 orang atau bersamaan dengan 27.6 peratus. Jumlah ini meningkat kepada 221,778 orang iaitu 36.9 peratus pada 1959 (Reports of Legislative Election, 1959). Peningkatan ini menunjukkan golongan ini mampu mengubah keputusan pilihan raya. Oleh itu PAP berusaha menguasai pengundi dari kumpulan ini bagi mengukuhkan kedudukan terhadap politik Singapura. Strategi politik silang yang dilakukan oleh PAP bagi mendapatkan sokongan dari kumpulan ini membolehkan parti itu menguasai kerusi-kerusi yang mempunyai jumlah pengundi muda yang ramai. Misalnya di kerusi Crawford, peratus pengundi kumpulan ini adalah 5,319 orang, iaitu 39.6 peratus (Reports of Legislative Election, 1959). Penguasaan pengundi ini membolehkan PAP menang dengan majoriti yang selesa pada pilihan raya 1959 iaitu majoriti 5,870 undi. Jumlah majoriti ini merupakan yang terbesar dalam sejarah pilihan raya 1959 (Reports of Legislative Election, 1959). Sehubungan itu, strategi politik silang yang diterapkan oleh PAP semasa kempen ini berjaya menarik golongan muda yang rata-ratanya dahagakan kepada pembaharuan. Melalui politik silang ini, PAP berjaya menonjolkan kepimpinan parti tersebut mampu menyediakan pembaharuan seperti yang dituntut oleh pengundi golongan ini berbanding pesaingnya, SPA yang masih menggunakan strategi lama dalam kempen iaitu perkara yang berkaitan dengan ancaman komunis. Manakala PAP pula, calon-calon parti ini mendekati diri dengan pengundi muda melalui kempen seperti peruntukan biasiswa dan juga peluang untuk belajar ke peringkat tertinggi (James Chin, 2025). Perkara ini yang membezakan PAP dan pesaingnya kerana imej yang ditonjolkan oleh PAP melalui strategi politik silang ini adalah pihak yang mampu melaksanakan pembaharuan terhadap sosial masyarakat.

Berdasarkan kepada situasi tersebut, pendekatan politik silang yang menjadi strategi utama PAP berjaya tonjolkan politik yang dibawa oleh parti ini adalah politik rentas kaum berdasarkan kepada beberapa tindakan seperti calon Melayu yang bertanding atas tiket parti itu serta kemenangan besar yang dicapai oleh calon PAP melalui sokongan pengundi Melayu. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan politik silang yang dibawa oleh PAP ini menyebabkan parti ini berada dalam kelas yang tersendiri dan jauh mengatasi pesaing utamanya iaitu SPA. Perkara ini akhirnya diterjemah melalui keputusan pilihan raya tersebut. Justeru itu, PAP berjaya menang besar pada pilihan raya 1959 dan kemenangan besar yang dicatatkan oleh PAP ini sekaligus

mbolehkan Lee Kuan Yew mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri yang baharu pada 5 Jun 1959.

## KESIMPULAN

Secara konklusinya, strategi politik silang yang dilakukan oleh pemimpin dan calon PAP berjaya mengukuhkan kedudukan parti ini terhadap politik Singapura. Melalui strategi politik silang ini, PAP bukan sahaja berjaya meningkatkan jumlah kerusi yang dimenangi, malah berjaya menonjolkan parti ini memperjuangkan untuk kesemua masyarakat tanpa mengira kaum. Strategi politik silang yang dipraktikkan oleh Lee Kuan Yew pada peringkat awal hanya untuk mendapatkan sokongan dari pengundi Cina pada pilihan raya 1955 diperluaskan dengan lebih terperinci pada pilihan raya 1959 dengan menyasarkan sokongan dari pengundi Melayu. Sokongan dari pengundi Melayu pada pilihan raya 1959 sekaligus melengkapkan sokongan yang diperoleh PAP dan perkara ini menjadi faktor utama PAP menang besar pada pilihan raya 1959. Situasi yang berlaku ini sekaligus membuktikan strategi politik silang yang dipraktikkan oleh PAP menjadi faktor utama parti tersebut bertapak kukuh terhadap politik Singapura. Perkara ini berlaku untuk tempoh yang lama dan sehingga pada masa kini, PAP merupakan antara parti yang paling lama bertahan sebagai kerajaan tanpa tewas dalam mana-mana pilihan raya umum. Perincian terhadap strategi politik silang PAP sebagai pendekatan taktikal dalam konteks pengukuhan politik dan pembentukan negara bangsa sekaligus menunjukkan gabungan ideologi, pengaruh akar umbi melalui parti dan retorik fleksibel menjadi perkara yang penting dalam pengukuhan kuasa politik. Di samping itu, konteks perbincangan kajian ini terhadap politik dan pilihan raya di Singapura turut menjelaskan mengenai strategi politik silang membantu PAP membina sokongan merentas kelas sosial dan kaum, sekaligus menjamin kemenangan besar dalam pilihan raya 1959. Strategi ini juga menjadi asas kepada budaya politik pragmatik dan dominan yang kekal hingga hari ini dengan menunjukkan PAP memberi penekanan kepada kestabilan, kecekapan dan kawalan naratif politik di negara tersebut.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak editorial *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* kerana memberi galakan dan panduan yang sempurna dalam membantu penulisan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Singapura di atas bantuan yang diberikan bagi menyempurnakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Abdillah Noh. (2022). Transnationalism and Chinese Diaspora's Struggle for Identity in British Malaya (1900- 1957), *Akademika*, 92, (2), 221-234.
- Akmalhisham Jasni, Sharifah Munirah Alatas & Sharifah Mastura. (2015). "Realpolitik" Hubungan Singapura-Amerika Syarikat dalam Konteks Penambakan Wilayah di Singapura, *Akademika* 85 (2), 17-27.

- Azlie Ismail, Geetha Govindasamy. (2019). Tuntutan Undang-Undang dan Pendekatan Malaysia di dalam Kes Pulau Ligitan, Pulau Sipadan dan Pedra Branca, *Akademika*, 89 (1), 2019: 83-95.
- Biebricher, T. (2019). *The Political Theory of Neoliberalism*. Stanford: Stanford University Press.
- Brecht, A. (2015). *Political Theory: The Foundations of Twentieth-Century Political Thought*. Princeton: Princeton University Press.
- Chin, James. (2023). The PAP Model: Can the 'Four Generation' Hold on to Power?, *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs*, Vol 112 (2), 107-110.
- Cherian, G. & Low, D. (2020). *PAP v. PAP: The Party's Struggle to Adapt to a Changing Singapore*. Singapore: Marshall Cavendish.
- CO 1022/385. (1953). Qualifications for election to the Singapore Municipal Legislative Council.
- CO 1022/92. (1953). Constitutional development of Singapore: proposed increase in number of elected members of the Legislative Council; work of the Rendel Commission on development of the constitution.
- CO 1030/475. (1958). Draft State of Singapore Bill.
- CO 1030/637. (1959). Speeches in Legislative Assembly in State of Singapore.
- CO 1030/702. (1956). Singapore: Activities of Peoples' Action Party.
- CO 1030/702. (1959). Peoples Action Party Singapore.
- CO 1030/81. (1956). Singapore: Constitutional Development.
- CO 1030/883. (1959). Proposed Constitution Exposition for Singapore.
- CO 537/2143. (1947). Malayan Union: Policy.
- CO 717/202/6. (1951). Organization and Methods: Reorganization of Government Administration, Singapore.
- CO 859/671. (1957). Relations with Colonial Territories Becoming Independent.
- FCO 141/14507. (1953). Singapore: Anti-Colonialism; its Effect on the Attitude of the Politically Conscious Indigenous Peoples.
- FCO 141/14564. (1955). Singapore: Communist Influence Among Chinese Students.
- FCO 141/15039. (1959). Singapore: Conduct of Elections.
- FCO 141/15044. (1956). Singapore: Changeover from David Marshall's Government to Lim Yew Hock's Government.
- FCO 141/15050. (1955). Singapore: David Marshall's Constitutional Discussions; London talks, December 1955.
- FCO 141/15079. (1959). Singapore: Order in Council for new Constitution, 1958; Singapore (Constitution) Order in Council 1958.
- FCO 141/15093. (1958). Singapore: The State of Singapore Act 1958
- FCO 141/15306. (1958). Singapore: Lee Kuan Yew, Secretary-General, People's Action Party
- FCO 141/15628. (1949). Singapore Political Reports, 1949.
- FCO 141/15664. (1950). Singapore: Federation of Malaya Monthly Political Reports.
- FCO 141/16888. (1948). Singapore: Reconstitution of the Legislative Council; Elections Bill.
- FCO 141/7472. (1953). Malaya: Growth of 'anti-colonial' Activity.
- FO 1020/2135. (1945). Establishment of Self Government.
- FO 371/135648. (1958). Draft Constitution for Singapore
- Guan, A. C. (2023). *Singapore Grand Strategy*. Singapore: NUS Press.
- Jacobs, Thomas. 2022. *Hegemony, Discourse, and Political Strategy: Towards a Post-Marxist Understanding of Contestation and Politicization*. London: Routledge Inc.
- Jayakumar, S. 2021. *A History of the People's Action Party, 1985-2021*. Singapore: NUS Press.

- Kai Ye. (2024). Research on the Reform and Transformation of Singapore's Political Election System and Political System, *Journal of Education, Humanities and Social Sciences* Vol. 39.
- Kay Key Teo, Ern Ser Tan & Zhengxu Wang (2024), Regime Support in Singapore: From Enigma to 'New Normal', *Asian Journal of Political Science* 33(2):1-32.
- Kenneth Paul Tan (2025). Podcasting Politics in Singapore: Hegemony, Resistance, and Digital Media", *Critical Asian Studies* (1).
- Khairudin Aljunied & Abbas Khan (2022). Psycho-Pious Motivations and Muslim Migration to the West: The Case of Singaporean Malay-Muslims in Melbourne, Australia, *Akademika*, 92 (1), 2022: 209-220.
- Lee Kuan Yew. (2012). *From The Third World to First: The Singapore Story, 1965-2000*
- Lee Kuan Yew. (2012). *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore: Marshall Cavendish Pte. Ltd.
- Liu, H., Wong., S.K. (2019). *Singapore Chinese Society in Transition: Business, Politics and Socio-economic Change, 1945-1965*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Mazli Bidu & Jamaie Hamil. (2019). *Neofeudal UMNO: Politik Dan Pembangunan Luar Bandar*. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.
- Pang Cheng Lian (1973). *Singapore's People's Action Party Its History, Organization, and Leadership*. Singapore: NUS Press.
- Report of the Constitutional Commission (George Rendel) (1954), Singapore.
- Reports of Legislative Election. (1955). Singapore Election Department.
- Reports of Legislative Election. (1959). Singapore Election Department.
- Say Jye Quah & Bertrand Seah. (2024). Bread-and-Butter Politics: Arrested Liberalization and Hegemonic Materialism in Singapore', *Critical Asian Studies* Vol.56 (4), 2024.
- Sheikh Othman Sheikh Salim. (2007). *Kamus Dewan: Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Singh, B. (2020). *Is the People's Action Party Here to Stay? Analysing the Resilience of the One-Party Dominant State in Singapore*. Singapore: NUS Press
- Sumegha Asthana, Sanjana Mukherjee, Alexandra L. Phelan, J. J. Woo & Claire J. Standley. (2024). Singapore's COVID-19 crisis decision-making through centralization, legitimacy, and agility: an empirical analysis', *The Lancet Regional Health - Western Pacific* Vol. 49 (7).
- Syed Husin Ali. (2024). *A Peoples History of Malaysia: With Emphasis on The Development of Nationalism*. Kuala Lumpur: SIRD.
- Tjin. T. P. (2024). *Nationalism and Decolonisation in Singapore: The Malayan Generation, 1953 - 1963*. London: Routledge.
- Wood, Anthony. (2019). *The Russian Revolution*. London: Taylor & Francis Ltd.
- Yeo, K. W. (1973). *Political Development in Singapore, 1945-1955*. Singapore: Singapore Univeristy Press.

Muhammad Naim Fakhirin Rezani  
Pusat Pengajian Kenegaraan dan Keusahawanan  
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
21300, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia  
Emel: [naim\\_fakhirin@yahoo.com](mailto:naim_fakhirin@yahoo.com)